



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
Iklan Jawatan Kosong

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia, keutamaan kepada anak-anak Negeri Selangor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan-jawatan tetap seperti berikut:-

1. PEGAWAI PENILAIAN GRED W1-1

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

Tangga gaji : T1 RM 2125 - T20 RM 6420

Syarat Lantikan

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pengurusan hartanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1-1 :T1)

- dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (c) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a di atas ; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai dan Penaksir Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; dan
- (d) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

2. JURUAUDIT GRED W1-1

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

Tangga gaji : T1 RM 2125 - T20 RM 6420

Syarat Lantikan

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1-1 :T1) atau

- b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1-1 :T2) atau

c) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1-1 :T2) atau

d) Ijazah Sarjana Muda Perakunaan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan .

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1-1 :T3)

dan e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

(f) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a hingga d di atas ; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan

(g) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

3. ARKITEK LANDSKAP GRED J1-1

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

Tangga gaji : T1 RM 2090 - T20 RM 6385

Syarat Lantikan

a) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J1-1: T1)

dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap dan Juruteknik Landskap adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

(c) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a di atas ; dan

(ii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. **PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L1-1**
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 1
Tangga gaji : T1 RM 1990 - T20 RM 6285

Syarat Lantikan

- a) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L1-1 ; T1)

dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (c) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a di atas ; dan
(ii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N3-1**
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 1
Tangga gaji : T1 RM 1410 - T20 RM 4185

Syarat Lantikan

- a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .
(Gaji permulaan ialah Gred N3-1: T1) atau

- b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah Gred N3-1: T1) atau

- c) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah Gred N3-1: T2)

dan d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pemeriksa Cap Jari adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N3-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a hingga c di atas ; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan
- (f) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

6. PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED J2-1
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 1
Tangga gaji : T1 RM 1565 - T20 RM 4340

Syarat Lantikan

- a) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J2-1: T1)
- dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. JURUTEKNIK GRED JA 3-1
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 5
Tangga gaji : T1 RM 1410 - T20 RM 4185

Syarat Lantikan

- a) Sijil dalam bidang kejuruteraan, seni bina atau ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA 3-1: T1)
- dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Kemahiran adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruteknik Gred JA 3-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (c) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a di atas ; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan
- (d) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

8. JURUTEKNIK PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH GRED JA 3-1

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 2

Tangga gaji : T1 RM 1410 - T20 RM 4185

Syarat Lantikan

- a) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA 3-1: T1)

- dan b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

9. PEMBANTU PENILAIAN GRED W4-1

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 4

Tangga gaji : T1 RM 955 - T20 RM 2780

Syarat Lantikan

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T1) atau

- b) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T4)

- dan c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

10. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W4-1

Taraf Jawatan : Tetap / Kontrak

Kekosongan : 2

Tangga gaji : T1 RM 955 - T20 RM 2780

Syarat Lantikan

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T1) atau

- b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Perakaunan (Kerani Akaun) (Account Clerk) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T2) atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T2) atau

d) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Perakaunan (Penyelia Akaun) (Account Supervisor) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T3) atau

e) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T3) atau

f) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1 : T4)

dan g) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

11. PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/ SETIAUSAHA PEJABAT

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 3

Tangga gaji : T1 RM 955 - T20 RM 2780

Syarat Lantikan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N4-1

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N4-1: T1)

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer)

KELAYAKAN LANTIKAN TERUS KE GRED N3-1

b) (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N3-1 : T1) atau

(ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N3-1 : T2)

dan c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

12. PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H4-1 (BIDANG ELEKTRIK)

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 2

Tangga gaji : T1 RM 980 - T20 RM 2805

Syarat Lantikan

- a) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H4-1 :T2) atau

- b) Sijil Pelajaran Malaysia serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H4-1 :T2)

- dan c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (d) (i) mempunyai kelayakan di perenggan a atau b di atas ; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan

- (e) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Cara Memohon

1. Semua permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Kuala Langat yang boleh diperolehi di Bahagian Sumber Manusia, Tingkat Atas, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Kuala Langat, Persiaran Majlis Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting atau muat turun dari laman web www.mdkl.gov.my.

2. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

3. Borang permohonan hendaklah disertakan gambar, salinan fotostat Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Persekolahan/Pengajian dan Sijil - sijil penghargaan yang **diakui sah**. Nama jawatan hendaklah dicatat di sebelah kiri sampul surat.

4. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.

5. Tarikh permohonan pada : **1 FEBRUARI 2012 SEHINGGA 14 FEBRUARI 2012**

Catatan Am

- 1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.**
- 2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.**